# Tabung Haji akan bina 552 unit rumah

KUALA LUMPUR, Isnin — Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan membina 552 unit rumah kos rendah dan mewah berharga $22 juta di Bangi, Selangor dan di Kubang Pasu, Kedah.

Dari jumlah itu, 121 unit berharga $7 juta akan dibina di Bangi manakala bakinya 431 unit yang berharga $15 juta akan dibina di Taman Perumahan fasa dua Tabung Haji, Bukit Tinggi, Kubang Pasu, Kedah.

Pengarah Besar Tabung Haji, Datuk Haji Hanafiah Haji Ahmad, berkata hari ini, dari 121 unit, 25 unit adalah rumah banglo, 24 unit berkembar dan 72 unit rumah dua tingkat.

Katanya, pembinaan dijangka bermula pada pertengahan tahun depan dan siap pertengahan 1985.

Menurut Datuk Haji Hanafiah, rumah-rumah itu akan dibina atas tapak 4.5 hektar. Pada masa ini kerja-kerja meratakan tapak giat dijalankan.

Mengenai projek di bawah fasa dua, Taman Perumahan Tabung Haji, Bukit Tinggi, beliau berkata, kerja-kerjanya dijangka bermula akhir tahun depan.

Semua 431 unit rumah yang akan dibina di situ ialah sederet tiga bilik. Ia dijangka siap pada 1987.

Datuk Haji Hanafiah menambah, fasa dua ini adalah sambungan dari yang pertama dan ia dibina di atas tapak sembilan hektar.

Rumah-rumah itu akan ditawarkan terlebih dahulu kepada penyimpan-penyimpan di Tabung Haji. Bagaimanapun, sekiranya, penyimpan meno lak, rumah-rumah itu terpaksa ditawarkan kepada pihak lain.

Mengenai projek perumahan pertama Tabung Haji di Taman Perumahan Tabung Haji Bukit Tinggi, Kubang Pasu, beliau berkata ia dijangka siap April depan.

Sebanyak 448 unit rumah dalam tiga peringkat didirikan di situ atas tapak 11.4 hektar.

Dari 448 unit itu, 387 unit adalah rumah dua bilik, 35 unit rumah tiga bilik dan 26 unit rumah kedai.

Menurut Datuk Haji Hanafiah, rumah dua bilik dijual dengan harga $47,500 seunit, tiga bilik $57,800 dan rumah kedai $160,000.

Katanya, ada beberapa unit rumah dua bilik dan rumah kedai yang masih belum ditempah. Orang ramai bolehlah membuat tempahan sekarang.

Projek perumahan Tabung Haji ini letaknya tidak jauh dengan kampus sementara Universiti Keenam.

Menurut Datuk Haji Hanafiah, pihaknya bercadang menjual terus rumah-rumah itu.

Selain dari projek perumahan, Tabung Haji juga membina bangunan-bangunan, rumah kedai untuk penyimpan-amnya, dan umat Islam khususnya.

# Pelajar akan tinggal dengan keluarga Inggeris setahun saja

LONDON, Isnin — Pelajar-pelajar Malaysia yang menjalani latihan guru bahasa Inggeris di Britain akan hanya tinggal bersama keluarga angkat selama setahun untuk membiasakan mereka dengan bahasa itu.

Empat puluh tiga dari pelajar itu kini tinggal bersama keluarga Inggeris dan ini menimbulkan kebimbangan mengenai pendedahan para pelajar muda ini kepada cara hidup orang Inggeris.

Baru-baru ini Timbalan Pengarah Pelajaran, Datuk Abdul Rahman Arshad, melawat pelajar-pelajar Malaysia ini di beberapa tempat.

Pelajar yang sempat ditemui oleh Datuk Rahman menyatakan mereka tidak menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baru itu.

Sementara itu, Malaysia mungkin boleh menghantar 800 orang pelajar tahun depan kerana adanya satu rancangan yuran murah oleh Britain yang dimulakan tahun ini.

Jurucakap Pejabat Luar berkata, menjelang tahun akademik 1985-86, Malaysia akan mendapat faedah sekurang-kurangnya £2½ juta setahun dari tabung rasmi Kerajaan British.

Sebagai tambahan, sektor swasta yang sedar dengan faedah itu akan turut memberi sumbangan mereka kepada pelajar-pelajar.

Rancangan di bawah Tawaran Pym berjumlah £46 juta seperti yang dinyatakan awal tahun ini, bertujuan menolong pelajar yang paling teruk mengalami kesan dari dasar pembayaran yuran penuh di negara itu.

Malaysia akan mendapat £5 juta di bawah rancangan itu, iaitu £1 juta untuk tahun ini, £2 juta tahun depan dan £2 juta lagi pada tahun akademik 1985-86.

Kata jurucakap itu, mereka menyerahkan kepada Kerajaan Malaysia bagaimana hendak membelanjakan wang itu bagi tahun akademik akan datang.

"Kami mencadangkan menggantikan wang £2,500 yang telah dibelanjakan secara terus oleh pelajar dan ini akan memberi faedah kepda 800 pelajar.

"Dengan wang tambahan ini maka Kerajaan Malaysia boleh menghantar lebih ramai lagi pelajar ke Britain," kata jurucakap itu.

Jurucakap itu berkata, di samping Tawaran Pym, pelajar-pelajar itu juga mendapat faedah dari lain-lain rancangan pelajaran, misalnya rancangan latihan kerjasama teknikal di bawah Kementerian Pembangunan Seberang Laut, rancangan biasiswa Komanwel dan rancangan anugerah penyelidik pelajar-pelajar seberang laut di bawah Kementerian Pelajaran dan Sains.

Kata jurucakap itu, rancangan anugerah penyelidik ditawarkan kepada 700 pemegang biasiswa tiap-tiap tahun.

"Ini satu anugerah paling istimewa dan terbuka kepada semua pelajar. Malaysia mendapat kira-kira 40 biasiswa seperti itu tiap-tiap tahun," katanya.

Jurucakap itu berkata, Kerajaan British mengambil keputusan memulakan rancangan anugerah baru di bawah naungan diplomatik Pejabat Luar Negeri.

Rancangan itu ditujukan kepada para pemimpin sekarang dan juga akan datang, para perancang, dan pembentuk pendapat di semua negara.

Idea di sebalik rancangan itu ialah untuk menemui kepentingan British yang meliputi bidang diplomatik, kebudayaan, perniagaan dan hubungan perdagangan.

Sebagai tambahan, rancangan itu juga diberi kepada pelajar-pelajar cerdik dari negara-negara yang mempunyai hubungan ekonomi yang berkembang dengan United Kingdom.

## Taklimat khas pindaan

PULAU PINANG, Isnin — Mentri Penerangan Datuk Seri Mohd Adib Adam telah memberi 'taklimat khas' mengenai pindaan perlembagaan kepada 170 kakitangan Jabatan Penerangan Wilayah Utara di Dewan Seri Pinang di sini, pagi tadi.

Menteri itu diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Encik Othman Said.

# Pegawai rendah naik pangkat tak perlu lalui percubaan

KUALA LUMPUR, Isnin — Pegawai-pegawai rendah yang mendapat kenaikan pangkat berdasarkan pengalaman dikecualikan dari menjalani tempoh percubaan apabila menjawat jawatan baru.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Osman Cassim, berkata mereka juga tidak tertakluk kepada syarat had umur yang ditetapkan, iaitu tidak melebihi 50 tahun.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian persidangan perwakilan Majlis Bersama Kebangsaan Badan-Badan Berkanun (MKBB) di sini hari ini. Ucapannya dibacakan oleh Pengarah Bahagian Gaji dan Elaun JPA, Datuk Zahari Abdul Rashid.

Tan Sri Osman berkata skim-skim perkhidmatan yang berkait rapat dengan kepentingan pekerja tidak statik.

## Alat utama

Menurutnya, sebagai alat utama untuk melaksanakan dasar dan peraturan perkhidmatan yang ditetapkan oleh kerajaan, ia perlu dikaji setiap masa dan dirombak mengikut keperluan masa.

"Sebagai contoh, dasar baru kenaikan pangkat berdasarkan pengalaman menunjukkan keperluan mengadakan rombakan kepada skim itu bagi kepentingan pekerja," jelasnya.

Beliau berkata JPA sudah menyemak semula tidak kurang daripada 153 skim perkhidmatan dan sebahagian besarnya dijangka dapat dilaksanakan menjelang 1984.

Tan Sri Osman berkata dasar mengambilkira pengalaman khidmat menggantikan kelayakan akademik ini, tidak dapat digunakan untuk semua perkhidmatan.

Menurutnya, perkhidmatan yang memerlukan kelayakan profesional dan akademik tidak wajar digantikan dengan pengalaman semata-mata, kerana ini boleh mendatangkan kesan buruk ke atas perkhidmatan awam seluruhnya.

## Kesan buruk

"Bagaimanapun, pegawai di jabatan itu masih boleh mendapat faedah kenaikan pangkat, sekiranya mereka memperolehi kelayakan-kelayakan profesional atau akademik yang ditetapkan," ujarnya.

Beliau mengulangi jaminan Perdana Menteri bahawa dasar pengswastaan dan Pensyarikatan Malaysia tidak akan membelakangkan kepentingan pekerja-pekerja terutama dalam syarat perkhidmatan dan peluang kerja.

Ketua pengarah itu menyeru pemimpin-pemimpin kesatuan supaya lebih responsif kepada dasar-dasar baru kerajaan kerana mereka adalah alat penghubung antara kerajaan dan pekerja.

"Tiap-tiap satu badan berkanun adalah satu unit tersendiri yang dilahirkan sama ada melalui Akta Parlimen atau Enakmen Dewan Undangan Negeri.

"Badan ini mempunyai perbezaan dari segi matlamat dan tugasnya," katanya.

Oleh itu, ujar beliau, MKBB haruslah berusaha dengan lebih giat untuk mewujudkan hubungan baik antara badan-badan berkanun dan bekerjasama memberikan perkhidmatan kepada semua pekerja.

# Masalah kurang guru akan diatasi

TEMERLOH, Isnin — Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah wajar bagi mengatasi kekurangan guru di sekolah-sekolah menengah dan rendah di negeri ini.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Khalil Yaakub berkata, antara langkah-langkah itu ialah menyenaraikan sekolah-sekolah yang memerlukan guru dan bilangan guru yang berkelayakan.

Beliau yakin masalah itu akan dapat diatasi pada tahun depan.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memberikan angka-angka rasmi mengenai kekurangan guru-guru di negeri ini.

Adalah difahamkan, 1,200 hingga 2,000 guru pelbagai jenis mata pelajaran diperlukan untuk sekolah menengah dan rendah di negeri ini, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Datuk Khalil berkata, pihaknya memandang berat masalah kekurangan guru kerana ianya boleh menjejaskan prestasi pelajaran murid.

Bagaimanapun, katanya, walaupun negeri Pahang menghadapi kekurangan guru, tetapi ia tidak begitu membimbangkan dan jumlah yang ada mampu mengatasinya sebelum guru-guru baru ditempat.

Mengenai guru-guru agama, Timbalan Menteri itu menjelaskan, pihaknya hanya menunggu lampu hijau dari Jabatan Agama Islam Pahang dan Persatuan Guru-Guru Agama Pahang untuk menyerapkan mereka ke dalam Kementerian.

Yang menjadikan masalah, katanya, kebanyakan guru itu tertakluk di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Pahang dan Kementerian hanya melaksanakannya setelah kedua pihak — persatuan dan Jabatan Agama Islam — mencapai kata sepakat.

# Halik diminta bela diri atas dua tuduhan rasuah

KOTA KINABALU, Isnin — Mahkamah Majistret di sini hari ini membebaskan bekas pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB), Haji Halik Zaman, dari enam tuduhan rasuah tetapi memerintahkannya membela diri atas dua lagi tuduhan mengenai wang $110,000.

Majistret Encik Sangau Gunting menetapkan perbicaraan pada 19 Mac tahun depan dan membenarkan ikat jamin $100,000 dengan seorang penjamin dilanjutkan tempohnya.

Haji Halik pada asalnya menghadapi lapan tuduhan menerima rasuah $312,500 dari sebuah syarikat tempatan, Kasda (Sabah) Sdn. Bhd. berkaitan dengan beberapa projek SLDB.

Dia didakwa menerima rasuah sebagai galakan untuk mengeluarkan cek Bank Negara bernilai $2.3 juta sebagai pembayaran projek dan kontrak antara 4 Februari dan 30 April 1981 ketika beliau menjadi pengerusi SLDB.

Ketika membuat keputusan itu hari ini, Encik Sangau Gunting berkata beliau membebaskan tertuduh dari dua tuduhan pertama kerana ketiadaan keterangan yang menguatkannya dari sumber-sumber bebas terhadap keterangan utama.

Pihak pendakwa, tegas beliau, banyak bergantung kepada dua orang saksi utama, Encik Michael Hastie, bekas pengurus besar Kasda dan Pengiran Khafid Pengiran Salleh, bekas pengerusi Kasda dan juga bekas Anggota Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun, beliau bersetuju dengan hujah pembela bahawa kedua-dua saksi itu adalah bersubahat.

Katanya, beliau memanggil Haji Halik membela diri terhadap tuduhan ketiga dan keempat kerana ada keterangan menguatkan tuduhan yang diberikan oleh saksi Teoh Ban Teong.

Majistret itu juga berkata tuduhan kelima, keenam, ketujuh dan kelapan mempunyai sedikit keterangan yang menguatkannya tetapi ia berkaitan dengan perkara-perkara kecil dan bukan keterangan utamanya.

"Ini mungkin menimbulkan syak tetapi tidak boleh dijadikan bukti terhadap pihak tertuduh," katanya.

Beliau kemudian membebaskan Haji Halik dari tuduhan pertama, kedua, kelima, keenam, ketujuh dan kelapan dan memerintahnya membela diri terhadap tuduhan ketiga dan keempat.

## Bayaran

Haji Halik didakwa menerima cek $60,000 secara rasuah dari Pengiran Abdul Khafid di ibu pejabat SLDB pada 11 Februari 1981 sebagai galakan kepadanya untuk mengeluarkan cek Bank Negara bernilai $500,000 selaku bayaran pendahuluan pertama projek jalan.

Dia juga didakwa melakukan kesalahan serupa menerima wang tunai $50,000 dari orang yang sama di ibu pejabat SLDB pada 12 April 1981 bagi mendorongnya mengeluarkan cek Bank Negara bernilai $500,000 sebagai pembayaran kedua projek jalan itu.

Pihak pendakwa diwakili oleh Timbalan Pendakwaraya Sazali Abdul Ghani dibantu oleh Encik A.P. Rodolf dari Badan Pencegah Rasuah manakala Haji Halik dibela oleh Encik V. Balasingam dan Encik Abdul Razak Rouse. — Bernama.

# 'Pemuda Umno perlu tahu segala perkembangan'

TEMERLOH, Isnin — Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Sabaruddin Chik, mahukan Pemuda Umno didedahkan dengan kegiatan berfaedah bagi menjadikan mereka sebagai barisan pelapis.

"Pemuda sebagai sayap kanan parti, perlu mengetahui segala perkembangan terutamanya mengenai hal-ehwal semasa dan kaitan dengan ekonomi agar mereka yang bakal mewarisi segala khazanah negara ini tidak akan jangkal bila tiba masanya nanti," tambahnya.

Berucap menutup konvensyen kecil Pemuda Umno bahagian Temerloh di Bandar 32 Tementi di sini, Datuk Sabaruddin memuji langkah Pemuda Umno bahagian yang menganjurkan konvensyen itu.

"Walaupun ia berlangsung dalam masa yang singkat, tetapi boleh memberikan kekesanan yang mendalam kepada pemimpin-pemimpin Pemuda dan ahli-ahlinya di tiap-tiap cawangan."

Mereka sekurang-kurangnya tahu pembangunan dan ekonomi negara di samping memperdalamkan pengetahuan yang sedia ada," tegasnya.

Beliau mahukan Pemuda Umno bahagian ini mengadakan lebih banyak konvensyen dan kursus untuk mendedahkan ahli-ahlinya kepada apa juga usaha yang akan, sedang dan telah dilaksanakan untuk rakyat.

Menerusi konvensyen dan kursus itu, Timbalan Menteri itu yakin Pemuda akan mengetahui dan dapat membaiki segala kelemahan terutamanya bagi menjamin kekuatan Umno.

Sementara itu, ketua Pemuda Umno cawangan Kampung Teluk Era, Encik Ahmad Senawi Hasan mensifatkan konvensyen selama dua hari itu berjaya dan dapat meninggalkan kesan mendalam kepada Pemuda.

Katanya, selain dari mengetahui perkembangan semasa dan pembangunan negara, konvensyen itu juga dapat menambahkan lagi pengetahuan para peserta dan memberikan kesedaran kepada Pemuda tentang perlunya penglibatan mereka dalam pembangunan negara.

"Kesedaran itu bukan setakat mengetahui projek-projek yang akan sedang dan telah dijalankan, tetapi mengenai tanggungjawab Pemuda memastikan Dasar Ekonomi Baru berjaya dan menjamin kekuatan Umno sendiri," tegasnya.

Ketua Pemuda Umno cawangan Paya Dalam, Encik Safie Mat Said, mensifatkan konvensyen itu sebagai menguatkan lagi persefahaman, keharmonian dan mendekatkan mereka dengan sistem pemerintahan sekarang.

"Walaupun konvensyen itu diadakan dalam masa singkat, tetapi kekesanannya boleh dijadikan garis panduan Pemuda Umno bahagian ini untuk bertindak dengan tidak melanggar batasnya."

Konvensyen itu sepatutnya dilanjutkan lagi supaya kesedaran lebih berkesan dapat ditanam di setiap jiwa ahli Pemuda Umno bahagian ini," tegasnya.

Seramai 150 ketua, setiausaha dan ahli-ahli jawatankuasa Pemuda Umno seluruh bahagian Temerloh termasuk 77 orang peneroka Felda.

# Ahli Umno diminta bersatu

KUALA LUMPUR, Isnin — Ahli-ahli Umno diingatkan supaya menghindarkan perpecahan dan pergeseran sesama sendiri dalam menghadapi cabaran dan ujian masakini.

Menurut lidah pengarang majalah *Merdeka* terbaru, cabaran yang dihadapi oleh parti itu bermakna cabaran kepada seluruh kepemimpinan dan anggota parti.

Cabaran itu bukanlah dihadapi oleh orang perseorangan dalam parti tetapi ia adalah cabaran kepada keutuhan dan perpaduan parti.

Seperti kata peribahasa, "cubit paha kanan, paha kiri pun sakit sama", kata lidah rasmi Umno itu.

"Inilah saat dan ketikanya kita berdiri bulat dan kukuh di belakang kepemimpinan parti agar kita sama-sama dapat menangkis serangan dari musuh- musuh kita yang kini berusaha bermati-matian untuk memecah-belahkan perpaduan kita.

"Lawan-lawan kita sudah menunjukkan belang mereka dengan berusaha menangguk di air keruh, menggunakan isu-isu yang kita hadapi sekarang, untuk memecah-belahkan perpaduan masyarakat.

"Kita harus waspada terhadap fitnah yang ditabur oleh lawan-lawan politik kita yang hendak melaga-lagakan kita dengan pemimpin dan sesama pemimpin."

Oleh itu, kewajipan anggota yang utama sekali ialah memelihara keutuhan dan perpaduan.

"Kewajipan kita ialah menunjukkan kesetiaan dan sokongan yang bulat kepada pucuk pimpinan parti di bawah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Walau apa sekalipun perbezaan kita sesama kita dalam isu-isu yang kini dihadapi oleh parti, janganlah kita membesarkan dan meruncingkannya dengan amalan dan perbuatan yang boleh memecah-belahkan perpaduan kita."

"Kita harus patuh kepada arahan dan sikap parti dalam satu-satu isu. Sekiranya kita memanjangkan perbezaan dan pertentangan kita dalam satu-satu isu dengan tindakan dan perbuatan yang boleh merosakkan imej parti dan menjejaskan keutuhan parti, bererti mengkhianati parti, walau apa sekalipun alasan kita untuk melakukan perbuatan atau tindakan itu," tegas akhbar itu.


JAWATAN KOSONG

MAJLIS DAERAH, KUALA LANGAT, SELANGOR

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia Rakyat Negeri Selangor sahaja yang berkelayakan untuk jawatan-jawatan berikut:-

A. 1. Jawatan: Pegawai Kerja Akaun.
2. Kumpulan: 'B'
3. Tanggagaji: B9: $745 - 40 - 825/865 x 40 - 1105/1185 x 40 - 1385 x 60 - 1505.
4. Umur: (a) Calun-calun lantikan terus tidak melebehi 30 tahun.
(b) Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat dalam perjawatan tetap, termasuk mereka yang di dalam percubaan tidak melebehi 50 tahun.
5. Kelayakan dan Pengalaman: (a) (i) Diploma Perakaunan atau Pengajian Perdagangan atau Pengajian Bank yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
(ii) Kelulusan 'Licentiate' Chartered Institute of Secretaries and Administrators (United Kingdom) dalam bidang pentadbiran kewangan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah $825/- sebulan)
dan (b) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
6. Taraf Jawatan: Tetap dan Berpencen.
7. Tempuh percubaan: Antara 1 hingga 3 tahun.
8. Peperiksaan: (i) Peperiksaan Am Kerajaan.
(iii) Seperti yang ditetapkan dalam Sekim Perkhidmatan Jawatan ini di Majlis Daerah Kuala Langat.
9. Fail No: MD.K.Lgt.6/Am/116

B. 1. Jawatan: Merinyu Kesihatan Awam.
2. Kumpulan: 'C'
3. Tanggagaji: C9: $510 x 30 - 570/600 x 30 - 780/840 x 40 - 1000
4. Umur: (a) Calun-calun bagi lantikan terus tidak melebehi 28 tahun.
(b) Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat dalam perjawatan tetap termasuk mereka dalam percubaan tidak melebihi 50 tahun.
5. Kelayakan dan pengalaman: (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya olih Kerajaan serta Diploma of the Royal Society for Promotion of Health; dan
(b) Kepujian Bahasa Malaysia termasuk ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
6. Taraf Jawatan: Tetap dan Berpencen.
7. Tempuh percubaan: Antara 1 hingga 3 tahun.
8. Peperiksaan: Seperti yang ditetapkan didalam Sekim Perkhidmatan bagi jawatan ini di Majlis Daerah, Kuala Langat.
9. Fail No: MD.K.Lgt.6/Am/19

Permohonan-permohonan hendaklah dibuat diatas Borang S.P.A. 6 dan hendaklah dihantar dengan sampul surat bertulis nama jawatan disudut kiri sebeleh atas sampul surat dan hendaklah disampaikan kepada YANG DIPERTUA, MAJLIS DAERAH, KUALA LANGAT, SELANGOR selewat-lewatnya pada 14 HB. DISEMBER, 1983. Tiap-tiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan sijil atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi. Permohonan-permohonan daripada calun-calun yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Kerajaan Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing.

Permohonan-permohonan yang tidak bergambar atau diterima lewat atau pun yang tidak mematuhi peraturan-peraturan didalam Borang permohonan tersebut akan ditolak.

Calun-calun adalah diingatkan bahawa mereka yang di pilih untuk di temuduga sahaja akan dihubungi. Mereka yang tidak dihubungi adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH,
KUALA LANGAT,

Tarikh: 24hb. November, 1983.
MD.K.Lgt. 4/Ptd/19 Jld.3.



ASSO… PAN … SEND…

PROGRAM… KE…

Kami adalah sebuah Sya… telah lama tertubuh dan … Kumpulan Syarikat yang … binaan dan simen serta … pembangunan negara. K… empat Depot di Semenan… beberapa pengedar besa…

Sebagai sebahagian dari … manusia dalam jangka pa… program kemajuan kerjay… Siswazah-Siswazah Bumi… yang mencabar ini.

Permohonan dipelawa da… yang mempunyai ijazah d… atau Sains Gunaan, yang … program yang teratur sela… lapangan-lapangan pentin… kejuruteraan, kawalan mu… pengedaran, dan jualan d… tamat menjalani program … memegang jawatan-jawat…

Ganjaran yang menarik ak… jawatan eksekutif ini, dan … mereka yang mempunyai … menunjukkan komitmen d…

Pemohon-pemohon yang … dengan memberi butir-buti… kepada kami tidak lewat d… kepada:

Pengurus Perjaw…
Associated Pan …
Sdn. Bhd.
Peti Surat 10613
Kuala Lumpur.



EKSEKUTI…

Kekosongan terdapat dalan… organisasi perusahaan yang… Latihan untuk mengendalika… untuk mekanik-mekanik dan…

Calon-calon bagi jawatan i… di bidang *Kejuruteraan Oto…* *— 35 tahun. Pengalaman b…* jualan kenderaan bermotor … hendaklah fasih dalam B… Malaysia dan berkemahira… Calon-calon Bumiputera a… Mereka yang tidak mempuny… beberapa tahun pengalama… pembaikan kenderaan be… memohon. Perjalanan luar … dikehendaki.

Kumpulan ini menawarkan g… mulaan adalah berdasark… pengalaman calon yang b… seberang laut juga disedia…

Pemohon-pemohon yang ber… secara sulit memberi butir-bu…

Penal…

Pejaba…

tidak lewat da…



KENYATAAN

NOTIS

Permohonan Lesen Menjual Minuman Keras

DI PEJABAT TA… KLUANG, J… PERINTAH UNTUK …



MCC

Bangunan Foh Chong (Tingkat 2 dan 3) Peti Surat 145 Johor Baru.
Tel: 224171 & 221006

Peperiksaan 1984/1985

MCC memberi kursus-kursus secara gaya pos yang sistematik untuk peperiksaan seperti di bawah ini:-

1. STPM (in English) (Sarawak)



Harga peralatan uniform Bulan …

Majikan kata bukan semua pekerja Islam …